

<p><b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>(PERINGATAN: Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum menandatangani di bawah. Sekiranya anda tidak jelas dengan sebarang terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini, anda dinasihatkan untuk mendapatkan penjelasan lanjut daripada staf, wakil atau ejen Bank sebelum menandatangani di bawah.)</p>	<p><b>VERSI BAHASA MALAYSIA</b></p> <p>Bank : Affin Islamic Bank Berhad          Skim : Pembiayaan Kemudahan Hijau &amp; Berteknologi Tinggi-i (HTG-i)          Pembiayaan</p> <p>Tarikh dikeluarkan kepada pelanggan:</p> <p>_____</p> <p>(hendaklah dilengkapkan semasa permohonan)</p>
<p><b>1. Apakah produk ini?</b></p>	
<p>Pembiayaan Kemudahan Hijau &amp; Berteknologi Tinggi-i (HTG-i) adalah kemudahan Pembiayaan Berjangka-i yang ditawarkan oleh pihak Bank untuk membiayai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang layak dan terlibat dalam sektor strategik atau segmen teknologi kritikal untuk penetapan semula, pelaburan dan mengembangkan peluang perniagaan mereka. Ini dapat mengukuhkan pemulihan ekonomi Malaysia dan pembaharuan berorientasikan pertumbuhan yang sejajar dengan RMK-12 dengan memangkin sektor strategik, memajukan pendigitalan dan menerapkan kemampanan. HTG-i juga tersedia untuk penyelesaian pembiayaan dalam teknologi hijau seperti tenaga boleh baharu, biofuel, kenderaan elektrik, penyelesaian grid pintar, agritech dan ekonomi kitaran kepada pengurusan sisa.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi tujuan modal kerja dan/atau perbelanjaan modal</li> <li>• Amaun pembiayaan sehingga maksimum RM10,000,000 bagi setiap PKS untuk CAPEX atau/dan modal kerja</li> <li>• Tempoh pembiayaan sehingga 120 bulan</li> <li>• Bagi pembiayaan dengan jaminan, pembiayaan akan dijamin oleh Credit Corporation Guarantee Berhad (CGC)/ Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan(SJPP).</li> <li>• Kadar pembiayaan ialah pada 3.50% setahun bagi pembiayaan tanpa jaminan dan 5.00% setahun bagi pembiayaan dengan jaminan.</li> </ul> <p><b>Nota*:</b>  <b>Tempoh pembiayaan akan bermula dari tarikh pengeluaran pertama dan pembayaran ansuran akan bermula dari tarikh pengeluaran penuh.</b></p>	
<p><b>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</b></p>	
<p><b>Tawarruq</b>          Konsep Syariah yang terpakai untuk produk di atas ialah <i>Tawarruq</i>. <i>Tawarruq</i> terdiri daripada dua kontrak jual beli di mana Pelanggan membeli Komoditi daripada Bank pada harga jualan lebih tinggi (Harga Jualan Bank) secara bayaran tertunda dan seterusnya menjual Komoditi kepada Pembekal Komoditi secara tunai pada Harga Belian Bank dengan objektif untuk mendapatkan wang tunai.</p> <p><b>Wakalah</b>          Di bawah kemudahan ini, Bank akan menggunakan mekanisme dwi-agensi di bawah konsep <i>Wakalah</i>. Pelanggan melantik Bank sebagai ejen Pelanggan untuk membeli Komoditi daripada Bank dan seterusnya menjual Komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi lain bagi pihak Pelanggan untuk melengkapkan transaksi <i>Tawarruq</i>.</p> <p><b>Wa'd</b>          Pelanggan akan melaksanakan Akujanji Pembelian berdasarkan konsep <i>Wa'd</i>. Di bawah Akujanji Pembelian tersebut, Pelanggan berjanji untuk membeli daripada Bank komoditi patuh Syariah tertentu ("Komoditi" terdiri daripada minyak sawit mentah (MSM), getah atau mana-mana komoditi lain) seperti yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi pada Harga Jualan Bank.</p>	
<p><b>3. Apa yang saya perolehi dari produk ini?</b></p>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Jumlah Pembiayaan</b> : RM 1,000,000</li> <li>• <b>Kadar Keuntungan Siling (KKS)</b> : 12.00 % setahun</li> <li>• <b>Harga Jualan Bank</b>: RM 1,482,829.32 (berdasarkan kepada KKS)</li> <li>• <b>Kadar Keuntungan Efektif (EPR)</b>: 3.50% setahun (<i>contoh, bagi tujuan modal kerja</i>)</li> <li>• <b>Tempoh</b>: 84 bulan</li> </ul> <p><b>Nota:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan <b>ILUSTRASI</b> sahaja.</i></li> <li><i>Jumlah Pembiayaan adalah bersamaan dengan Harga Belian Bank</i></li> <li><i>Harga Jualan Bank adalah dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Siling(KKS). Kadar Keuntungan Siling (iaitu Kadar had maksimum) dalam menentukan Harga Jualan Bank adalah seperti tertera di atas, melainkan dinasihati berbeza oleh Affin Islamic Bank.</i></li> <li><i>Walaupun bagaimanapun, keuntungan bulanan akan dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif (3.50%) pada hujung bulan di mana ianya tidak akan melebihi Kadar Keuntungan Siling.</i></li> <li><i>KPA adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan KPA semasa adalah 6.56% setahun.</i></li> <li><i>Kadar Keuntungan Efektif Tersemak adalah pada Kadar Pembiayaan Asas + 3.50% setahun.</i></li> </ol>	

#### 4. Apakah kewajipan saya?

- Ansuran bulanan anda ialah **RM 13,439.85**
- Jumlah pembayaran pada hujung tahun ketujuh (7) adalah **RM 1,128,947.40**

Kadar	KPA Hari Ini (EPR = 3.50% setahun)
Ansuran bulanan	RM 13,439.85
Jumlah keuntungan pada hujung tahun ke-7	RM 128,947.40
Jumlah pembayaran pada hujung tahun ke-7	RM 1,128,947.40

- Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan **ILUSTRASI** sahaja.
- Anda bertanggungjawab untuk membayar ansuran bulanan bermula dari bulan ketujuh sehingga penyelesaian sepenuhnya pembiayaan ini. Walau bagaimanapun, anda boleh memilih untuk menyelesaikan pembiayaan ini pada bila-bila masa.
- Keuntungan dikira berdasarkan pada kiraan hujung bulan.
- Berikutan kenaikan KPA, Kadar Keuntungan Efektif Dipinda bagi pembiayaan mungkin berbeza daripada kadar yang dinyatakan dalam Surat Tawaran dan kadar akan berubah dari semasa ke semasa.
- Kadar Keuntungan Efektif Dipinda akan menyebabkan bayaran ansuran yang tinggi akibat kenaikan KPA. Akan tetapi, bayaran ansuran bulanan tidak akan melebihi Kadar Keuntungan Siling. Rebat akan diberikan jika terdapat perbezaan pada Kadar Keuntungan Siling dan Kadar Keuntungan Efektif seperti yang terdapat pada klausa 7 seperti di bawah.

#### 5. Apakah Fi dan caj yang saya perlu bayar?

- Duti Setem  
Seperti yang termaktub di dalam Akta Setem 1949 (Semakan 1989) dan akan ditanggung oleh Pelanggan.
- Fi Guaman berkaitan dan dokumentasi pembiayaan akan ditanggung oleh Pelanggan  
Fi Guaman terhadap peguam cara akan ditanggung oleh Pelanggan.
- Fi pengeluaran / bayaran pemprosesan  
Tiada bayaran dikenakan bagi pengeluaran/pemprosesan.
- \* Fi Pembrokeran
  - i. Sebarang Fi yang berkaitan dengan Fi Pembrokeran yang dikenakan oleh pembekal komoditi akan ditanggung oleh pelanggan
  - ii. Fi Pembrokeran berkaitan dengan kos pembrokeran, iaitu RM5.00 setiap RM1.0 juta pada asas pro-rata.

**Nota:**

\*Fi Pembrokeran tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa seperti yang disebut oleh pembekal komoditi

- Yuran jaminan CGC/SJPP (bergantung kepada pilihan pelanggan)
- Yuran jaminan CGC/SJPP adalah termasuk dalam Kadar Keuntungan Efektif.

#### 6. Bagaimana jika saya gagal untuk memenuhi tanggungjawab saya?

- (a) Caj Pembayaran Lewat (Ta'widh), menyebabkan jumlah komitmen meningkat  
Pelanggan hendaklah membayar kepada Bank caj pembayaran lewat melalui *Ta'widh* (ganti rugi) seperti berikut:
- Sebelum tarikh matang kemudahan tersebut  
Satu jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun ke atas ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran penuh;  

$$= \text{Ansuran Tertunggak} \times 1\% \times \frac{\text{bilangan hari lampau tempoh}}{365}$$
  - Selepas tarikh matang kemudahan tersebut  
Satu jumlah yang bersamaan dengan kadar rata harian semalaman Pasaran Wang antara bank Islam (IIMM) pada baki belum jelas iaitu Harga Jualan Bank belum jelas ditolak *ibra'* (jika ada);  

$$= \text{Baki Belum Jelas} \times \text{Kadar Semasa IIMM} \times \frac{\text{bilangan hari lampau tempoh}}{365}$$
- (b) Kadar Keuntungan Efektif Tersemak
1. Dalam keadaan kemudahan anda diklasifikasikan sebagai Pembiayaan Terjejas (Pembiayaan Tidak Berbayar):  
Kadar Keuntungan
    - Pembayaran ansuran bulanan daripada Harga Jualan Bank.  
Pihak Bank hendaklah meminda Kadar Keuntungan Efektif dalam surat tawaran anda kepada Kadar Pembiayaan Asas (KPA) + 3.50 % setahun dikira daripada tunggakan prinsipal, atau kadar lain atau asas bagi pengiraan kadar yang ditentukan oleh Bank atas budi bicara tunggal dan mutlak.
  2. Sebelum semakan kadar keuntungan, Bank hendaklah menyediakan notis pendahuluan bertulis tidak kurang daripada 21 hari.

3. Sekiranya anda telah memperbaharui akaun anda dan selepas penilaian yang sewajarnya dilakukan oleh Bank, Bank akan mengembalikan Kadar Keuntungan Efektif seperti surat tawaran tanpa mengira anda mengemukakan permohonan untuk pengembalian semula atau tidak.

Sekiranya Kadar Keuntungan Efektif anda telah dikembalikan semula, tetapi kemudiannya dipinda semula kerana perenggan (1) di atas, Bank hendaklah mengembalikan kadar selepas memperbaharui akaun seperti Surat Tawaran, apabila permohonan untuk pengembalian semula oleh anda dan penilaian wajar oleh bank.

4. Kadar Keuntungan Efektif Tersema di atas adalah tertakluk kepada tidak melebihi Kadar Keuntungan Siling.

(c) Hak untuk memulakan pemulihan atau tindakan undang-undang

Surat Kebenaran dari anda yang membenarkan Bank untuk mendebitkan Akaun Semasa Islamik dengan Bank untuk membuat pembayaran bulanan, dana terikat atau apa-apa amaun yang sewajarnya terhadap pembiayaan yang akan diperoleh. Akaun pembiayaan akan ditag dengan Pindahan Dana Automatik (AFT). Tindakan undang-undang akan diambil ke atas anda dan penjamin, jika gagal memberi maklum balas kepada notis peringatan. Tindakan undang-undang yang diambil ke atas anda dan penjamin boleh mempengaruhi penarafan kredit dan membuatkan penarafan kredit anda lebih sukar dan mahal. Pihak Bank mempunyai hak untuk memulakan aktiviti pemulihan (termasuk berurusan dengan agensi kutipan hutang) prosiding dan muflis.

- (d) Kami mempunyai hak untuk menolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun yang dibuka dengan pihak Bank atas sebarang baki tertunggak dalam akaun pembiayaan ini dengan memberi tujuh (7) hari kalendar notis terlebih dahulu.

- (e) Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal membalas notis peringatan. Anda akan menanggung segala kos yang terlibat. Anda adalah bertanggungjawab untuk menyelesaikan segala kekurangan (jika ada) setelah tindakan undang-undang diambil terhadap anda.

- (f) Tindakan undang-undang ke atas anda mungkin memberi kesan terhadap taraf kredit yang akan menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal bagi anda.

- (g) Sila rujuk kepada kewajipan anda yang dinyatakan dalam Surat Tawaran Bank.

### 7. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

Pihak Bank tidak mengenakan tempoh bertutup untuk kemudahan ini dan juga tidak mengenakan fi untuk membuat penyelesaian awal sebelum tempoh matang. Walau bagaimanapun, pihak Bank perlu menerima notis bertulis terlebih dahulu ("Notis Penyelesaian Awal") berkenaan hasrat untuk membuat penyelesaian awal dengan menyatakan amaun yang relevan yang akan dibayar dan tarikh pembayaran di mana jika gagal pihak bank mempunyai hak untuk mengenakan kos berkaitan atau fi dengan mengurangkan amaun ibra'.

Pihak Bank akan memberi rebat (ibra') yang mana bersamaan dengan keuntungan tertunda pada masa penyelesaian.

Formula Ibra' (rebat):

<b>Ibra' (rebat) pada penyelesaian awal = Keuntungan tertunda - kos anggaran yang munasabah yang ditanggung oleh Bank</b>
---

**Nota:**

- Keuntungan Tertunda = Jumlah Keuntungan yang sepatutnya diterima – Keuntungan Terakru
- Jumlah Keuntungan yang sepatutnya diterima = Harga Jualan Bank – Harga Belian Bank (atau Jumlah Pembiayaan)
- Keuntungan terakru dikira atas Kadar Keuntungan Efektif prinsipal belum jelas (jumlah pembiayaan) yang digunakan.

### 8. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan takaful?

- Ia sangat disyorkan untuk Pelanggan / penjamin / pemilik perniagaan untuk mengambil produk Takaful Hayat dari panel Takaful yang disyorkan oleh pihak Bank.
- Walau bagaimanapun, anda bebas untuk menggunakan perkhidmatan dari mana-mana pengendali Takaful pilihan anda yang menawarkan perlindungan yang memadai atas risiko-risiko seperti yang mungkin diperlukan dan ditentukan oleh pihak Bank.

### 9. Apakah risiko utama?

Pembayaran Harga Jualan Bank adalah dengan cara ansuran berkala, peningkatan dalam Kadar Pembiayaan Asas (KPA) seperti dalam kes kadar berubah akan menyebabkan ansuran yang lebih tinggi; tetapi dihadkan pada Kadar Keuntungan Siling 12% setahun. Pihak Bank akan memberitahu pelanggan mengenai perubahan ansuran disebabkan oleh KPA sebelum tarikh kuatkuasa.

**Jika anda mempunyai masalah untuk memenuhi kewajipan pembiayaan anda, sila hubungi dan berbincang dengan kami.**

**10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat sebarang perubahan pada maklumat perhubungan saya?**

- Sila hubungi Pengurus Perhubungan di Pusat Perniagaan atau Saluran Langsung di mana pembiayaan dipohon.

**11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?**

- Jika anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi pihak Bank dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif lain pembayaran.
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda diminta mengisi borang "Borang Maklum Balas" yang boleh didapati di laman sesawang [www.affinalways.com](http://www.affinalways.com) yang akan dihantar ke Pusat Kualiti dan Khidmat Pelanggan. Anda juga boleh menghubungi pihak Bank di:

**Kualiti dan Khidmat Pelanggan**

**Tingkat 17, Menara Affin,  
80, Jalan Raja Chulan,  
50200 Kuala Lumpur**

**Telefon** : 1-800-88-3883  
**Faks** : 03-2026 1104  
**E-mel** : [yourvoice@affingroup.com](mailto:yourvoice@affingroup.com)  
**Laman Web** : [www.affinalways.com](http://www.affinalways.com)

- Secara alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**

**Tingkat 5 and 6,  
Menara Bumiputra-Commerce,  
Jalan Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur.**

**Telefon** : 03-2616 7766  
**Faks** : 03-2616 7601  
**E-mel** : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)  
**Waktu Urusan** : **9:00 pagi – 5:00 petang**  
(Isnin – Jumaat)

- Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan atau aduan anda sila hubungi Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) di:

**Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) (664393P)  
(Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)**

**Tingkat 14, Blok Utama,  
Menara Takaful Malaysia  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur**

**Telefon** : 603 – 2272 2811  
**Fax** : 603 – 2272 1577  
**E-mel** : [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my)  
**Laman Web** : [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my)

- Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan atau aduan anda sila hubungi Bank Negara Malaysia Link atau Telelink di:

**Blok D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur**

**Telefon** : 1-300-88-5465  
**Faks** : 03-21741515  
**E-mel** : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Untuk maklumat lanjut mengenai pembiayaan, sila hubungi cawangan AFFIN ISLAMIC / AFFINBANK berhampiran anda atau hubungi Pusat Panggilan kami 03-82302222 atau layari laman web kami di [www.affinalways.com](http://www.affinalways.com).

**13. Pakej pembiayaan lain yang disediakan**

Sila berhubung dengan Pengurus Perhubungan berkenaan atau sila lawati cawangan AFFIN ISLAMIC/AFFINBANK berdekatan atau Pusat Perniagaan atau Saluran Langsung atau layari [www.affinalways.com](http://www.affinalways.com) untuk maklumat lebih lanjut.

**NOTA PENTING:**

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN AKAN DIKENAKAN TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN ATAS KEMUDAHAN PEMBIAYAAN ANDA.**

Maklumat yang dinyatakan di dalam lembaran keterangan ini sah dari **7 NOVEMBER 2022**.

- Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran pendedahan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada kewajipan saya / kami, telah dijelaskan dengan jelas kepada saya / kami oleh kakitangan, wakil atau ejen Bank.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

No Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_